

06 MAY 1996

Ling-Usul

RMK7 GARIS PENDEKATAN REALISTIK UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA, KATA LING

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) menggariskan pendekatan yang lebih realistik terhadap usaha-usaha pembangunan negara.

Beliau berkata walaupun rancangan itu menumpukan perhatian terhadap isu-isu ekonomi, ia turut memberi penekanan seimbang dalam usaha membina sebuah masyarakat bermoral tinggi dan kukuh.

"Dalam usaha kita mengejar kejayaan ekonomi, kita hendaklah berwaspada terhadap peningkatan masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, lepak, jenayah juvana, gaya hidup yang tidak sihat serta ketewangan dalam keluarga," katanya ketika berucap menyokong usul RMK7, yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Dr Ling, yang juga presiden MCA dan anggota Parlimen Labis, berkata semua rakyat perlu terus bekerjasama dengan kerajaan untuk melaksanakan strategi-strategi RMK7 yang bertujuan meningkatkan paras pendapatan rakyat, memelihara kualiti hidup rakyat dan menjamin kebajikan negara supaya generasi akan datang mempunyai masa depan lebih cerah.

Beliau berkata Malaysia telah mencapai tahap kemajuan yang dibanggakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan kini sudah menjadi sebuah negara model negara-negara lain terutama negara membangun.

Dr Ling berkata kejayaan itu dicapai melalui usaha kerajaan yang berdedikasi dan komited kepada negara di samping semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat jelata untuk memaju dan membangunkan negara.

"Apa yang lebih penting ialah semua kejayaan ini dicapai kerana negara amat bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang bijaksana dan berpandangan jauh serta dibantu pula oleh seorang timbalan yang juga tidak kurang handalnya," katanya sambil disambut dengan tepukan meja daripada anggota-anggota Parlimen.

Beliau berkata kejayaan rancangan pembangunan telah mendatangkan banyak manfaat kepada semua kaum dengan pendapatan per kapita negara meningkat daripada RM1,106 pada 1970 kepada RM9,786 pada tahun lepas.

"Peningkatan pendapatan per kapita yang diukur pada nilai kuasa beli perbandingan adalah lebih ketara, iaitu meningkat daripada AS\$978 pada 1970 kepada AS\$9,479 (RM23,675) pada 1995," katanya. -- BERNAMA